

5. Ketua-ketua jabatan dipohon memaklumkan dan memanjangkan Surat Edaran ini kepada semua staf di bawah fakulti / jabatan / PTJ masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD RAHMAN BIN HJ. SAFIE)

Timbalan Pendaftar Kanan

(Menjalankan Tugas Pendaftar)

Universiti Malaysia Pahang

Edaran kepada:

Pendaftar

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

TATACARA TAPISAN KESELAMATAN MENGGUNAKAN SISTEM E-VETTING

1. Pelaksanaan *Sistem e-Vetting* ini adalah menggunakan nombor kad pengenalan sebagai user ID di mana permohonan, proses, semakan dan keputusan tapisan keselamatan boleh dibuat secara atas talian (*online*) yang boleh dicapai melalui ***e-comm > staff Management > Human Resource Management > Tapisan Keselamatan*** klik pada ***e-Vetting*** atau secara terus melalui **<https://evetting.cgso.gov.my>**.
2. Kesemua staf dengan **gred lantikan 27 serta ke atas** dan kesemua staf termasuk staf yang bergred bawah daripada 27 seperti Pembantu Operasi N11 atau Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) N17 yang terlibat melihat atau akses kepada perkara-perkara terperingkat 'Sulit / Rahsia / Rahsia Besar' dikehendaki menjalani Tapisan Keselamatan. Staf yang masih belum melaksanakan Tapisan Keselamatan, hendaklah menggunakan sistem *e-Vetting*.
3. Panduan penggunaan sistem *e-Vetting* boleh didapati melalui E-Community di *Policies > Internal Policies > Jabatan Pendaftar > Panduan/Prosedur > Panduan Pengisian Permohonan Tapisan Keselamatan*.
4. Kesemua staf yang telah menghantar permohonan Tapisan Keselamatan melalui *e-Vetting* perlulah menghantarkan memo kepada Unit Perkhidmatan bagi tujuan pengesahan melalui Auto-generated memo yang boleh dijana melalui *E-Comm > Staff Management > Human Resource Management > Tapisan Keselamatan > Submit e-Vetting*

-----selesai-----